



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

PROGRAM MOH NGETEH MERDEKA KKLW

INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) SG. PETANI, KEDAH

**11 SEPTEMBER 2017 (ISNIN)
WAKTU KETIBAAN : 10.30 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

KATA-KATA ALUAN (final akan di update)

YB Datuk Alexander Nanta Linggi
dan

YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan-timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

YBhg Datuk Borhan bin Dolah
Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg Dato' Azizan bin Mohamad Sidin
Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua-ketua
Jabatan dan Agensi

Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan
Kementerian, Rakan-rakan Media
YB Dan YBhg. Dato'-Dato' dan Datin-Datin, Tuan/Puan yang dihormati sekalian

Bismillahirrahmaniraahim
Assalamualaikum w.b.t Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, bersyukur ke-hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam program Moh Mengeteh ini sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2017.
2. Adalah besar harapan saya, melalui program seperti ini kita dapat menyemarakkan sambutan hari kebangsaan pada tahun ini sebagai tanda permuafakatan yang dizahirkan untuk meraikan sambutan hari kebangsaan.
3. Kemerdekaan yang kita kecapi pada hari ini adalah dari usaha serta pengorbanan wira-wira terdahulu kita demi mempertahankan, Malaysia. Justeru, Generasi muda yang bakal mewarisi kepimpinan pada masa akan datang haruslah berusaha gigih dalam mempertahankan kemerdekaan negara dari terus dibelenggu fitnah serta hasutan pelbagai sudut terutama sekali melalui media sosial.

4. Sesuai dengan penganjuran Program Moh Ngeteh ini yang bertujuan untuk memupuk, menyemai serta menyuburkan rasa cinta dan sayang kepada negara. Program ini saya harap mampu menyemai semangat patriotik di kalangan warga KKLW dan orang awam agar sentiasa mengingati jasa serta pengorbanan negarawan-negarawan terdahulu dalam usaha memerdekakan, mempertahankan dan memajukan negara; dan seterusnya meningkatkan semangat soladiriti di kalangan warga KKLW.

5. Seperti tahun lalu, kita telah melaksanakan program seperti ini di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Pengkalan Chepa, Kelantan. Pada tahun lepas, kita telah berjaya melibatkan lebih daripada 600 ribu penyertaan yang turut melibatkan 12,000 lokasi secara serentak di dalam dan luar negara. Ini merupakan komitmen yang tidak berbelah bahagi yang telah diberikan untuk menjayakan program seperti ini.

6. Maka pada tahun ini, kita berjaya melibatkan lebih sejuta penyertaan yang terdiri dari kalangan warga kementerian, agensi dan komuniti luar dan dalam negara yang membawa aspirasi dan semangat yang sama dalam menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan ini. Ini merupakan peningkatan yang ketara berbanding tahun lepas yang menunjukkan betapa seluruh komuniti KKLW benar-benar menghayati aspirasi kemerdekaan demi kecintaan kita kepada negara.

Para Hadirin yang saya Kasih,

7. Pada hari ini kita sekali lagi berhimpun di Institut Kemahiran MARA (IKM) Sungai Petani. Adalah bertepatan, sambutan kali ini kita sekali lagi berada dalam kalangan pelajar-pelajar yang merupakan modal insan yang menjadi aset pembangunan negara. Malah, saya dimaklumkan bahawa IKM Sungai Petani ini juga merupakan antara Institusi Pendidikan MARA (IPMa) yang menjadi perintis terawal MARA dalam menawarkan pendidikan bidang Technical Vocational Education And Training (TVET). Saya berbangga kerana pada hari ini kita sama-sama dapat berkumpul di IKM yang telah berusia 45 tahun yang telah berjaya melahirkan puluhan ribu anak didik.

8. Saya menaruh kepercayaan yang tinggi bahawa legasi anak-anak didik di institusi pendidikan ini merupakan aset negara dan modal insan yang berharga dan harus digilap dalam memacu perkembangan ekonomi negara ini. Seajar dengan itu, pelbagai inisiatif turut dilaksanakan oleh MARA bagi memastikan mereka ini terus relevan dan berani menyahut cabaran negara dalam melonjakkan pembangunan ekonomi di samping menyumbang kepada tenga kerja yang lebih efisien dan produktif.

9. Sebagai salah sebuah agensi di bawah Kementerian, MARA merupakan agensi harapan yang mempunyai 1,127,786 (satu juta, satu ratus dua puluh tujuh ribu tujuh ratus lapan puluh enam) pelajar sedia ada yang merupakan modal insan negara pada hari ini. Kita boleh berbangga pada hari ini kerana MARA telah menjadi penyumbang kepada 37% tenaga kerja mahir negara dalam melahirkan modal insan yang terlatih dalam pelbagai bidang bagi pembangunan sosial ekonomi negara.

10. Melalui TVET, MARA telah berjaya melahirkan seramai 151,505 orang graduan yang memberi fokus kepada program yang bersifat hands-on dan berteraskan industri serta memberi fokus ke arah melahirkan tekno-usahawan yang berdaya saing dalam bidang teknologi terkini.

11. Saya amat berbangga dengan kewujudan IKM dan KKTM yang telah merentasi lima dekad serta terbukti berupaya menjadi pelopor dalam pelbagai bidang pengkhususan seperti kluster pengajian elektrik, minyak dan gas, automotif, elektronik, seni dan rekabentuk, bioperubatan dan mekanikal pembuatan.

12. Kejayaan yang dicapai ini adalah nikmat kemerdekaan yang wajib disyukuri, kerana dengan suasana yang sangat kondusif ini saudara/saudari generasi muda negara boleh belajar dengan aman dan seterusnya memartabatkan negara sejajar dengan keupayaan kita dalam menyediakan tenaga pakar dalam bidang yang diperlukan.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

13. Kini Malaysia lebih maju berbanding zaman sebelum kemerdekaan. Malaysia telah melalui beberapa fasa perubahan dalam memajukan negara sehingga hari ini. Kerajaan menerusi KKLW sentiasa memberi penekanan yang khusus dalam pembangunan infrastruktur luar bandar bagi membantu menjana ekonomi penduduk luar bandar.

14. Untuk makluman, di bawah Rancangan Malaya pertama; sepanjang 600 batu atau 984 km jalan luar bandar telah dibina dan di bawah RMK 11 kita telah bina lebih dari 54 ribu kilometer Jalan Luar Bandar. Manakala liputan bekalan elektrik luar bandar telah mencapai 97.6 peratus dan bekalan air 93.8 peratus (sumber EPU).

15. Keutamaan akses kepada infrastruktur asas di kawasan luar bandar membolehkan pengagihan kekayaan yang lebih saksama, serta dapat melancarkan dan memudahkan aktiviti ekonomi penduduk masyarakat di luar bandar.

16. Pembinaan Lebuh raya Pan Borneo bebas tol yang dijangka siap pada tahun 2023 mampu menyediakan 400 ribu peluang pekerjaan dan yang lebih utama adalah jaringan yang lebih selamat terutama sekali bagi penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

17. Jika dilihat, peratusan liputan bekalan elektrik juga telah meningkat hasil usaha berterusan pihak Kerajaan untuk menyediakan keperluan asas kepada penduduk yang masih jauh ketinggalan dari segi kemudahan prasarana seperti yang dinikmati oleh masyarakat yang tinggal di bandar. Dengan peningkatan penyaluran bekalan elektrik ke luar bandar ini, secara tidak langsung ia dapat menggalakkan kepelbagaian aktiviti ekonomi dan pengeluaran produk usahawan yang diusahakan oleh penduduk kampung seterusnya menyumbang kepada peningkatan ekonomi di negara kita.

18. Jika sebelum ini, penduduk yang tidak mendapat kemudahan bekalan air terawat sering terdedah kepada risiko penyakit berbahaya seperti penyakit kencing tikus, taun, penyebaran virus dan bakteria berbahaya. Namun berkat usaha meluas oleh Kerajaan yang turut merangkumi liputan air bersih dan terawat di luar bandar risiko penyakit berbahaya dapat dikurangkan dan tahap kesihatan penduduk turut dapat dipertingkatkan.

19. Masyarakat hari ini juga dapat menikmati arus pemodenan prasarana yang lebih efisien di samping dapat menjalankan kualiti kehidupan yang lebih baik.

PENUTUP

20. Program MOH NGETEH pada hari ini hanyalah simbolik, apa yang lebih penting adalah tekad dan keinginan kita untuk terus bersama-sama mengisi kemerdekaan negara dan memerdekakan Bumiputera untuk terus mencipta kejayaan di persada dunia.

21. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada satu juta komuniti kementerian yang telah terlibat. Terima kasih juga kepada MARA dan IKM Sungai Petani yang menjadi lokasi program kita pada hari ini. Sama-sama lah kita menghayati aspirasi Negaraku #Sehati Sejiwa.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.